

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

YWP 323 – Penulisan Rencana

Masa: 2 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 3 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA (2) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Pilih salah satu definisi penulisan rencana yang tertera di bawah dan bincangkan dengan contoh-contoh.
 - (a) “Penulisan yang kreatif, kadang-kadang subjektif yang mempunyai tujuan khusus untuk menghibur dan memberitahu pembaca tentang sesuatu kejadian, keadaan atau satu aspek kehidupan.” (Williamson, 1975)
 - (b) “Cerita yang dikarang berdasarkan kejadian sebenar untuk menonjolkan aspek manusia dan kemanusiaan.” (Mencher, 1984,)

(100 markah)

...2/-

2. Kadang-kadang apa yang kita terbaca boleh mencetuskan idea-idea untuk rencana. Berdasarkan *Surat kepada pengarang* di bawah ini,
- (a) Cetuskan lima idea rencana yang boleh anda gunakan sebagai fokus lima rencana yang berasingan untuk penerbitan-penerbitan tertentu.
 - (b) Namakan 3 penerbitan yang boleh menerima rencana-rencana anda itu dan jelaskan kenapa anda memilih penerbitan tersebut.

Saya pelajar tingkatan tiga dan menghadapi masalah kesihatan. Otak saya tidak dapat mengawal pergerakan anggota badan saya, terutamanya tangan dan kaki saya. Saya belajar di Pusat Spastik selama dua tahun sebelum bertukar ke sekolah normal. Saya masih menjalani terapi fisio, terapi pekerjaan dan terapi pertuturan. Saya tidak yakin tentang masa depan saya.

Saya bercita-cita untuk menjadi seorang akauntan. Namun, saya khuatir saya tidak akan mencapai cita-cita saya itu. Saya tidak boleh menulis dengan baik dan pantas. Apakah yang perlu saya buat selepas peperiksaan SPM? Saya memang teringin untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Adakah universiti tempatan menerima insan-insan yang kurang upaya seperti saya?

TCC
Pulau Pinang

(100 markah)

3. Jelaskan empat unsur yang boleh menghidupkan sesebuah rencana. Sempurnakan jawapan anda dengan contoh-contoh.

(100 markah)

-oooOooo-